
BAB I

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG LOKASI KAJIAN

1.1.1 Kangar : Lokasi Kajian

Kangar adalah ibu negeri Perlis. Bandar ini terletak pada garis lintang $6^{\circ} 26'$ Utara dan garis bujur $100^{\circ} 12'$ Timur, iaitu 10 km ke hulu dari Kuala Perlis. Muka bumi Kangar terdiri daripada tanah rendah pada keseluruhannya, iaitu kurang dari 91 meter tinggi dari aras laut. Kangar berperanan sebagai pusat penempatan, perdagangan, kemudahan sosial dan pertanian yang terbesar di Perlis.¹

Dalam sejarah, bandar Kangar merupakan tempat strategik bagi pertembungan atau pertemuan para peniaga dan saudagar daerah Kayang (nama lama negeri Perlis) dan daerah lain yang berdekatan. Kemunculan pekan Kangar adalah dipercayai selepas bermulanya pelabuhan atau pekan Kuala Perlis.²

Daripada tinjauan yang dibuat oleh Encik Alwi bin Sudin, seorang pengkaji sejarah di negeri Perlis, beliau berpendapat bahawa Kangar adalah salah sebuah daripada pengkalan-pengkalan (pelabuhan) yang terdapat di sepanjang sungai

¹ Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1995), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), h. 1103.

² Alwi Sudin (1992), "Bandar Kangar", *Jurnal Warisan Indera Kayangan*, bil. 4, Kangar: Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, h. 3.

Perlis. Kenyataan ini berdasarkan faktor pasang surut air laut. Kalau diperhatikan penghujung pasang-surut air laut dari Kuala Perlis adalah di bandar Kangar. Keadaan ini membolehkan kapal dan tongkang yang membawa dan mengangkut hasil dagangan dapat hilir mudik ke Pengkalan Kangar (tapak kedai telekom sekarang) dengan mudah.³ Ini disokong lagi dengan kedudukannya yang strategik, di mana bandar Kangar ini terletak di tebing Sungai Perlis, yang kira-kira 10 kilometer dari kualanya.⁴

Perlu disebutkan di sini bahawa kawasan Kampung Sena dan Tok Paduka (terletak di bahagian timur Bandar Kangar) yang merupakan kawasan letaknya Istana Sena dan Kota Sena, adalah merupakan kawasan awal penempatan penduduk yang mana kemudiannya berkembang menjadi asas kepada pertumbuhan pekan Kangar (bandar Kangar sekarang).⁵ Kampung Sena ini juga merupakan tempat bersemayamnya Sultan Kedah ke empat belas iaitu Sultan Muhyidin Mansur Syah yang menaiki takhta kerajaan Kedah pada tahun 1651 Masehi (M) dan mangkat pada tahun 1661M.

Sepanjang pemerintahan Baginda selama lebih kurang sepuluh tahun di Kampung Sena, baginda telah membina sebuah kota sebagaimana kelaziman sultan-sultan Kedah yang lain dewasa itu, dan memilih Kangar sebagai “Bandar Diraja”.

³ *Ibid.*

⁴ *Draf Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Kangar 1985-2005 (1985)*, Kangar: Majlis Perbandaran Kangar dengan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, h. 241.

⁵ Ahmad bin Ismail dan Datuk Yazid bin Mat (1992), *Perlis Indera Kayangan, Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, h. 5.

Kota tersebut dikenali dengan panggilan “Kota Sena”. Apabila baginda mangkat pada tahun 1661M, baginda dimakamkan di tanah perkuburan “Tok Paduka”.⁶

Pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah II (1544-1602M) para pedagang dari negara Arab, Gujerat dan India akan singgah di pelabuhan Kuala Perlis sebelum membawa juala mereka ke negara Kemboja dan China. Justeru, Baginda menitahkan supaya dibina kota di Kuala Perlis dan Kota Keran sebagai tempat membayar cukai barang-barang yang masuk ke Kuala Perlis dan ke Kangar. Kapal-kapal dan tongkang besar akan berlabuh di Kuala Perlis, manakala tongkang-tongkang kecil akan terus ke Kangar dan berlabuh di Tebing Tinggi, Pengkalan Asam atau di pekan Kangar sendiri.⁷

Pekan Kangar ini dikatakan mula berkembang dengan lebih pesat selepas berakhirnya pemerintahan Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Syah di kota Indera Kayangan II di Batu 5, Jalan Kuala Perlis, iaitu kira-kira pada tahun 1815M.⁸ Ini merupakan hasil perpindahan kota pemerintahan yang sudah kelaziman sultan-sultan Kedah.

Asal-usul perkataan ‘Kangar’ adalah berdasarkan buah dua cerita. Ahli-ahli sejarah pun masih belum dapat menentukan dengan pasti, berdasarkan bukti-bukti yang sah, mengenai asal-usul bandar Kangar ini.⁹ Dua cerita tersebut ialah:-

⁶ Alwi Sudin (1992), *op. cit.*, h. 3.

⁷ *Ibid.*

⁸ Alwi Sudin (1993), “Asal-usul Nama Kangar”, *Jurnal Warisan Indera Kayangan*. bil. 5, Kangar: Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, h. 5.

⁹ *Ibid.*, h. 4.

1.1.1.1 Pada masa dahulu Kangar adalah sebuah pengkalan (pelabuhan darat) di mana perahu dan tongkang dagang berlabuh. Di pengkalan ini (di sekitar Kedai Telekom sekarang ini) tempat saudagar berjual-beli barang dagangan. Di sekitar pengkalan tersebut, ditumbuhi dengan pepohon nipah dan anak-anak kayu ketiau. Tempat utama orang berjual-beli itu atau di pengkalan itu, terdapat seponon pokok yang tinggi merendang. Pokok tersebut ialah pohon 'Kangar'. Saudagar-saudagar tempatan yang berulang-alik ke pengkalan tersebut, apabila ditanya; "hendak ke mana?", mereka menjawab; "ke pengkalan pohon Kangar". Lama-kelamaan nama tersebut kekal digunakan dan disebut 'Pengkalan Kangar'. Pelabuhan Kangar telah menjadi pusat perniagaan dan pentadbiran negeri Perlis Indera Kayangan. Akhirnya nama pengkalan itu hilang dan yang tinggal ialah nama 'Kangar'. Nama tersebut kekal sehingga hari ini.¹⁰

1.1.1.2 Asal-usul bandar ini dipercayai diambil daripada nama sejenis helang besar, iaitu 'kangar' atau 'kangok' dalam loghat tempatan.¹¹ Encik Wan Senapi bin Wan Chik pula menyatakan bahawa asal-usul bandar Kangar ini diambil daripada bunyi sejenis burung 'helang kangor'. Kata beliau, pada masa awal wujudnya di pekan kecil tersebut, terdapat begitu banyak helang kangor berterbangan di situ dan bunyinya tersangat bising; kangor!, kangor!, kangor!.¹²

¹⁰ *Ibid.*, h. 4-5.

¹¹ Mohamed Roslan Abdul Malek (1998), *Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik di Negeri Perlis Indera Kayangan*. Petaling Jaya: Oscar Book International, h. 16.

¹² Alwi Sudin (1993), *op. cit.*, h. 4.

Oleh sebab pekan tersebut belum ada nama ketika itu, secara berseloroh, Datuk Paduka Maha Menteri, pembesar utama Sultan Muhyidin Mansur Syah yang tinggal di Kota Sena (Kampung Sena sekarang) menamakan pekan tersebut dengan nama 'Kangor'. Tetapi lama-kelamaan sebutan 'kangor' bertukar menjadi 'kangar' kerana mudah disebut. Pendapat ini juga disokong oleh Datuk Yazid bin Mat, ahli sejarah Perlis yang juga mengatakan bahawa asal-usul nama 'kangar' itu bersempena daripada bunyi burung helang 'kangor'.¹³

Setelah diteliti keterangan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa asal nama perkataan 'Kangar' ialah daripada sephohon pokok yang bernama 'Kangar', dan berkemungkinan juga ia berasal daripada nama sejenis burung 'kangor' atau daripada bunyinya, 'kangor'. Hanya dua cerita ini sahaja yang boleh dijadikan asas penentuan mengenai nama bandar Kangar ini.¹⁴

Luas kawasan bandar Kangar ialah 2997.4 hektar.¹⁵ Ia hanya meliputi 3.7% sahaja daripada keluasan negeri Perlis yang luasnya ialah 198,430 ekar atau 80,301.50 hektar.¹⁶ Bandar Kangar ini terletak dalam 6 mukim, iaitu sebahagian dari Mukim Sena, Jejawi, Kechor, Wang Bintong, Seriap dan Utan Aji.¹⁷ Peta bandar Kangar adalah seperti di Lampiran 1.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Laporan Akhir Rancangan Tempatan Kangar (1993), Kangar: Majlis Perbandaran Kangar, Perlis, h. 6.

¹⁶ Maklumat Asas Negeri Perlis 1993 (1993), Kangar: Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis (UPENs), Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis, h. 3.

¹⁷ Laporan Akhir Rancangan Tempatan Kangar (1993), *op. cit.*, h. 6.

Perlu dijelaskan di sini bahawa Kangar, di samping merupakan bandar terbesar di Perlis dan ibu negeri yang berperanan menjadi pusat pentadbiran di Perlis, ia juga merupakan salah sebuah daripada tiga kawasan parlimen yang utama di Perlis. Kawasan Parlimen Kangar ini lebih luas lagi, di mana ia meliputi lima Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Bintong, DUN Sena, DUN Indera Kayangan, DUN Kuala Perlis dan DUN Kayang.¹⁸ Namun demikian, penulis tidak berhasrat untuk menjalankan penyelidikan melainkan di lingkungan bandar Kangar sahaja.

Menurut bancian bagi tahun 2000, jumlah penduduk di kawasan bandar Kangar ialah 39,990 orang. Jumlah penduduk di kawasan Kangar ini mewakili 17.3% daripada keseluruhan penduduk negeri Perlis yang berjumlah 231,403 orang.¹⁹

Komposisi penduduk mengikut etnik warganegara di Kangar adalah terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain-lain.²⁰

1.1.2 Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)

1.1.2.1 Pengertian KAFA

Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) adalah satu usaha yang berterusan untuk mendidik dan membentuk murid-murid ke arah memperkembangkan individu (insan) selaras dengan kehendak al-Quran dan Sunnah. Usaha ini bertujuan

¹⁸ *Keputusan Pilihanraya Umum Kawasan Pilihanraya Negeri Perlis* (1999), Rabu 1 Disember, Berita Harian, h. 2.

¹⁹ *Taklimat Pembangunan Negeri Perlis* (1999), Kangar: UPENs, h. 3-4.

²⁰ *Maklumat Asas Negeri Perlis 1993* (1993), *op. cit.*, h. 6-7.

melahirkan muslim yang terdidik dengan didikan al-Quran dan menghayati akhlak dan cara hidup Islam.²¹

KAFA juga merupakan program pengukuhan dan memperkayakan lagi asas-asas Pendidikan Islam di kalangan murid-murid Islam di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang dikelolakan oleh Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam (PPPI), Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kuala Lumpur.²²

Konsep program KAFA ini dapat dijelaskan sebagai;

“Pendidikan Agama Peringkat Rendah bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan memberi penekanan dan tumpuan kepada amali dan kemahiran membaca al-Quran termasuk tajwidnya, di samping memberi kemahiran dalam penulisan dan pembacaan Jawi”.²³

Program ini ditujukan bagi kanak-kanak yang berumur di antara 7 hingga 12 atau murid darjah 1 hingga darjah 6 di Sekolah Kebangsaan. Ia dilaksanakan secara seragam oleh pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri yang diselaraskan dari segi pengurusan kewangannya oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

²¹ Kertas Kerja Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (KAFA) Negeri Perlis (1998), Kangar: Unit KAFA Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), h. 1.

²² Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) (t.t.), Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, Cawangan PPPI, JPM, h. 1.

²³ Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (t.t.), Kuala Lumpur: JAKIM, BPPI, h. 2.

melalui urusetia Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), BPPI.²⁴

Ringkasnya, KAFA ini boleh dikira sebagai kelas tambahan atau lanjutan kepada kelas pengajian al-Quran/pendidikan Islam secara formal di peringkat Sekolah Rendah Kebangsaan.²⁵

1.1.2.2 **Objektif KAFA**

Kewujudan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di bawah kelolaan Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri adalah berdasarkan objektif-objektif berikut:-²⁶

- 1.1.2.2.1 Untuk memastikan setiap kanak-kanak muslim boleh membaca al-Quran dengan baik dan terdidik dengan didikan al-Quran.
- 1.1.2.2.2 Untuk memastikan setiap kanak-kanak muslim boleh memahami dan mempraktikkan asas-asas fardu dan cara hidup Islam.
- 1.1.2.2.3 Untuk memastikan setiap kanak-kanak muslim yang tamat pengajian sekolah rendah boleh mempraktikkan cara hidup Islam yang seragam di seluruh negara.
- 1.1.2.2.4 Untuk membantu memperkukuhkan lagi asas-asas pembelajaran al-Quran dan pendidikan Islam yang diajar di sekolah rendah.

²⁴ Struktur dan Fungsi Dalam Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia (t.t.), Kuala Lumpur: BPPI, JAKIM, h. 3.

²⁵ BAIHEIS, JPM, Malaysia (1994), "Ke Arah Pembentukan Generasi al-Quran Dalam Merealisasi Cita-cita Wawasan 2020 di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Kaedah Pembacaan al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam, 22-25 Julai 1994), h. 22.

²⁶ Panduan Pelaksanaan Kurikulum Baru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (t.t.), *op. cit.*, h. 4 - 5.

1.1.2.2.5 Untuk mewujudkan satu sistem pengajian al-Quran dan pendidikan Islam yang lengkap dan seragam di seluruh negara.

Pengajian al-Quran dan fardu ain yang dilaksanakan dalam bentuk program ini sebenarnya, bukan sahaja menepati Sistem Pendidikan Islam di negara kita, bahkan ia selaras dengan perintah Rasulullah *s.a.w* sendiri yang menggesa umatnya agar belajar dan mengajar kedua-dua bidang pengajian ini.

Ini bersandarkan hadis Nabi *s.a.w* yang berbunyi:-

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَالْقُرْآنَ وَعَلَّمُوا النَّاسَ فَإِنِّي مَقْبُوضٌ²⁷

Maksudnya: Daripada Ibnu 'Umar *r.a* katanya, Rasulullah *s.a.w* bersabda; "Pelajarilah perkara-perkara fardu dan al-Quran, dan ajarkanlah kepada orang ramai kerana sesungguhnya aku akan wafat.

Di sini, Rasulullah *s.a.w*, memerintah umatnya agar mempelajari al-Quran dan *al-Farā'id*. Imam al-Mubārakfūrī²⁸ dan Imam al-Sindī²⁹ menyatakan bahawa antara tafsiran para ulamak mengenai perkara-perkara fardu tersebut ialah; "Ilmu-ilmu yang berkaitan segala yang diwajibkan oleh Allah *s.w.t* ke atas para hambaNya dan diistilahkan sebagai fardu ain".

²⁷ Imam Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī (t.t.), *Tuḥfah al-'Ahwadhī, Syarḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, Abwāb al-Farā'id, Bab Mā Jā'a Fī Ta'lim Farā'id, j.6, Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, no. hadis 2170, h. 222.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Imam Abū al-Ḥasan al-Sindī (t.t.), *Syarḥ Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Farā'id, Bāb al-Haṭh 'Alā Ta'lim al-Farā'id, j. 3, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 315.

1.2 PENGERTIAN TAJUK

Penulis mendefinisikan beberapa perkataan penting dalam tajuk; “Program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Kangar, Perlis: Kajian Keberkesanan dan Masalahnya”. Tujuannya ialah bagi memberikan penjelasan dengan lebih mendalam dalam bab-bab selanjutnya. Antara perkataan-perkataan tersebut ialah:

Program: Perkataan program ini berasal daripada perkataan Inggeris; *programme*, di mana kata kerja ini bermaksud; mengatur atau menyusun rancangan atau program. Ia juga bermaksud; merencanakan sesuatu kerja untuk mencapai hasil yang memuaskan³⁰. Dalam kamus dewan, program dijelaskan sebagai; rancangan yang menentukan dasar-dasar yang dijalankan. Program juga diertikan sebagai acara pertandingan (pertunjukan dan lain-lain).³¹

Kelas: Kelas ialah bilik (tempat) belajar atau bilik darjah. Kelas didefinisikan juga sebagai perkumpulan untuk mempelajari sesuatu. Ia juga memberi maksud peringkat, tingkatan (pelajaran yang diikuti) dan golongan atau kumpulan berdasarkan persamaan pelbagai sifat yang tertentu.³²

Al-Quran: Kalimah *al-Qur'ān* dalam bahasa Arab berasal daripada kata kerja *qara'a* yang bermaksud mengumpul dan menghimpunkan sesuatu. Adapun perkataan *al-Qirā'āh* pula memberi maksud menghimpunkan huruf-huruf dan

³⁰ Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris - Bahasa Malaysia (1994), c. 9. Kuala Lumpur: DBP, h. 962.

³¹ Kamus Dewan (1994), Edisi Baru, c.5. Kuala Lumpur: DBP, h. 984.

³² *Ibid.*, h. 562.

perkataan-perkataan tertentu dalam bacaan. *Al-Qur'ān* sama seperti *al-Qirā'ah* yang merupakan kata terbitan daripada; *qara'a - qirā'atan - qur'ānān*.³³

Ada sebilangan ulamak menjelaskan bahawa sebab dinamakan kitab suci ini dengan nama *al-Qur'ān* kerana ia menghimpunkan isi kandungan kitab-kitab sebelumnya. Tetapi yang jelasnya kitab ini dinamakan sedemikian lantaran ia menghimpunkan segala ilmu-ilmu.³⁴ Ini ditegaskan sendiri oleh Allah *s.w.t* dalam firmanNya:-

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ

Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu.³⁵

Terjemahan Surah al-Nahl (14): 89.

Al-Quran ditakrifkan sebagai; "Kitab terakhir yang diturunkan Allah ke atas penghulu segala Nabi, mengandungi agama yang menutup segala syariat silam. Ia merupakan *dustūr* atau undang-undang pencipta alam bagi kepentingan sekalian makhlukNya, hujah teragung Baginda Rasulullah *s.a.w* dan mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah kepada baginda".³⁶

Imam al-Zarkasyī pula menjelaskan definisi al-Quran yang lebih ringkas iaitu; "Kalam Allah yang diturunkan sebagai mukjizat dan dikira ibadat dengan

³³ Mannā' al-Qatṭān (2000), *Mabāhith Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 11. Qāherah: Maktabah Wahbah, h. 14-15.

³⁴ *Ibid.*, h. 15.

³⁵ Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (1990), c.10, Kuala Lumpur: BAIHEIS, JPM, h. 533.

³⁶ Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1996), *Manāhil al-'Irfaqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 8.

pembacaannya”.³⁷ Kitab suci ini mempunyai beberapa nama yang lain selain daripada al-Quran, iaitu; *al-Furqān*, *al-Zikr*, *al-Tanzīl* dan *al-Kitāb*.³⁸

Fardu Ain: Fardu ain merupakan gabungan dua perkataan bahasa arab yang terdiri daripada *fard* dan *'ain*. Perkataan fardu dari segi bahasanya, berasal daripada kata kerja *faraḍa* bererti; mewajibkan dan memutuskan. Di samping itu, fardu juga bermaksud penentuan (jumlah-jumlah yang tertentu).³⁹

Dari segi istilahnya pula, Imam al-Zarkasyī menjelaskan bahawa fardu ini adalah salah satu daripada nama-nama bagi istilah “wajib”, yang mana wajib juga disebut sebagai; *al-Maḥtūm*, *al-Maktūb* dan *al-Farḍ* (fardu). Beliau juga menjelaskan bahawa tidak ada beza antara wajib dan fardu walaupun ada sedikit perbezaan antara keduanya dari segi bahasa.⁴⁰

Wajib (kewajipan) atau fardu ini pula dari segi tuntutananya ke atas pelaku atau pembuatnya terbahagi kepada dua iaitu:-⁴¹

- i. *Al-Wājib al-'Ainī* atau Fardu ain
- ii. *Al-Wājib al-Kifā'i* atau Fardu Kifayah

³⁷ Muḥammad bin Bahadūr al-Zarkasyī, (1994), *al-Baḥr al-Muḥīt*, j. 2, Meşir: Dār al-Kutub, h. 178.

³⁸ Dr. Şubḥi al-Şāleḥ (2000), *Mabāḥith Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 24, Beirut: Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn, h. 20-21.

³⁹ Ibn al-Manzūr (1993), *Lisān al-'Arab*, j. 10, Beirut: Mu'assasah al-Tārikh al-'Arabī wa Dār al-'Ihya' al-Turath al-'Arabī, h. 230-231.

⁴⁰ al-Zarkasyī (1994), *op. cit.*, h. 240.

⁴¹ *Ibid.*, h. 246.

Imam al-Ghazali ada menerangkan konsep fardu ain ini, berdasarkan pentafsiran beberapa golongan ulamak yang menghuraikan maksud fardu ain ini, antaranya:-

Berkata ulamak *ilmu kalam*; ialah *ilmu kalam* yang wajib, kerana dengan ilmu kalam diketahui keesaan Tuhan, zat dan sifatNya. Berkata ulamak feqah; ialah *ilmu fiqh* yang fardu ain, kerana dengan ilmu feqah dapat diketahui ibadat, halal dan haram...Ulamak *Tafsir* dan *Hadis* berkata; *ilmu Kitab* dan *Sunnah* yang fardu ain, kerana dengan perantara keduanya, akan sampai kepada ilmu-ilmu yang lain seluruhnya. Berkata ulamak *tasawwuf*, bahawa yang dimaksudkan itu ialah *ilmu tasawwuf*.⁴²

Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyyah secara amnya pula, merumuskan bahawa ilmu fardu ain itu ialah; "Suatu ilmu yang tidak boleh sama sekali seseorang muslim jahil tentangnya".⁴³

Imam tersebut juga menjelaskan pembahagian ilmu-ilmu yang dimaksudkan seperti berikut:-⁴⁴

- i. Ilmu tentang rukun iman yang asas.
- ii. Ilmu tentang perkara-perkara asas dan mesti dalam syariat Islam (seperti solat dan lain-lain).
- iii. Ilmu hukum-hakam *mu'āmalah* dan *mu'āsyarah* sesama insan.

⁴² Muhammad Abi Ḥamīd al- Ghazālī (1999), *Ihya Ulumuddin*. Prof. Tk. H. Ismail Yakub (terj.), j. 1, Kuala Lumpur: Victory Agensi, h. 78.

⁴³ Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1995), *Miftāh Dār al-Sa'ādah*, Mekah: Maktabah Dār al-Bāz, j. 1, h. 161.

⁴⁴ *Ibid*.

- iv. Ilmu tentang lima perkara⁴⁵ yang disepakati haramnya oleh sekalian para Nabi silam dan kitab-kitab suci yang lampau.

Dr. Wahbah al-Zuhailī, seorang ulamak di zaman ini, menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan fardu ain itu ialah:

“Apa yang diperintahkan syarak bagi melaksanakannya, ke atas setiap individu daripada kalangan golongan mukalaf yang mana kewajipan itu tidak sah diwakilkan kepada individu yang lain seperti; solat, zakat, haji, menjauhi perkara-perkara yang haram ... dan hukumnya ialah wajib dilakukan oleh setiap mukalaf, bahkan tidak gugur kewajipan itu kalau dilaksanakan oleh sekumpulan mukalaf yang lain”.⁴⁶

Beliau juga menjelaskan pengertian fardu kifayah setelah menerangkan makna fardu ain dengan katanya:

al-Wājib al-Kifā'i (Fardu Kifayah) pula didefinisikan sebagai; Apa yang diwajibkan oleh syarak tanpa melihat siapa yang bakal melaksanakannya, bahkan hanya melihat kepada sekumpulan para mukalaf seperti mempelajari ilmu perindustrian, membina hospital-hospital, ilmu kehakiman, sembahyang jenazah, berjihad, menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran dan sebagainya. Hukumnya ialah umumnya ia wajib ke atas setiap individu yang mukalaf, tetapi apabila ia dilaksanakan oleh salah seorang atau sebahagian daripada mereka itu, maka gugurlah kewajipan itu ke atas yang bakinya, dan tidak berdosa. Akan tetapi, kalau mereka seluruhnya bersepakat meninggalkan perkara tersebut, maka berdosalah seluruhnya.⁴⁷

⁴⁵ Perkara lima tersebut dirakamkan Allah dalam firmanNya bermaksud:

“Katakanlah: “Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi, dan perbuatan dosa dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar, dan (diharamkan) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan (sebarang) bukti (yang membenarkan), dan (diharamkan) kamu memperkatakan terhadap Allah yang tidak kamu ketahui”.

Terjemahan: Surah al-'Arāf (8):

33.

Lihat: Tafsir Pimpinan al-Rahman.(1990), *op. cit.*, h. 279.

⁴⁶ Dr. Wahbah al-Zuhailī (1986), *Uṣul al-Fiqh al-Islāmī*, j.1, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 60.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 61-62.

Kesimpulannya, fardu ain ini ialah merupakan suatu kewajipan yang dituntut syarak bagi setiap orang Islam yang mukalaf melakukannya dan berdosa baginya meninggalkan perkara tersebut.

Kajian: Kajian berasal daripada kata dasar “kaji” yang bermaksud; cabang ilmu pengetahuan atau penyelidikan. “Kaji selidik” pula bererti; kegiatan atau usaha mengkaji dan menyelidik untuk mengetahui kedudukan sesuatu yang nyata. Adapun perkataan “kajian”, maka ia bermakna; kegiatan (usaha, proses) mengkaji.⁴⁸

Keberkesanan: Keberkesanan berasal daripada kata dasar “kesan” yang membawa maksud; tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu. Ia juga bererti; sesuatu (sama ada kebaikan atau keburukan) yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain). Kesan juga bermaksud; pengaruh, reaksi dan tindakbalas (pada pemikiran, sikap, watak dan sebagainya) yang timbul akibat daripada menyaksikan perbuatan atau peristiwa.⁴⁹

Perkataan “keberkesanan” pula adalah; perihal berkesan atau berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan dan lain-lain).⁵⁰ Ia juga bermaksud; kejayaan, kemenangan dan kemajuan sesuatu.⁵¹

⁴⁸ Kamus Dewan (1994), *op. cit.*, h. 516-517.

⁴⁹ Hassan Hamzah (1997), *Kamus Melayu Global*, Kuala Lumpur: Piramid Perdana, h. 622-623.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 891.

Masalah: Masalah bererti; perkara rumit, hal rumit, sesuatu yang memerlukan penyelesaian, sesuatu hal yang harus dipecahkan, *problem* dan hal sulit tentang sesuatu perkara.⁵² Masalah juga disebut sebagai; perkara, isu, kes atau hal.⁵³

1.3 PERUMUSAN MASALAH

Maksud penulis, pengertian tajuk kajian ini ialah perihal aturan, penyusunan perancangan, perencanaan dan pengurusan KAFA bagi pembentukan peribadi muslim sejati dan akhlak mulia murid-murid di sekolah-sekolah kebangsaan khususnya di Kangar, Perlis. Antara aspek-aspek yang bakal diperbincangkan kelak dapatlah dirumuskan seperti berikut:-

- 1.3.1 Bilakah ditubuhkan program KAFA di Malaysia amnya dan di Kangar, khususnya, sebagai lokasi kajian.
- 1.3.2 Apakah falsafah KAFA dalam menjayakan programnya?
- 1.3.3 Apakah kurikulum yang digunakan dalam program KAFA dan objektifnya?
- 1.3.4 Apakah kaedah yang digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran KAFA?
- 1.3.5 Apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah program KAFA di Kangar, Perlis?
- 1.3.6 Bagaimanakah pentadbiran dan pengurusan program KAFA di Kangar, Perlis?
- 1.3.7 Bagaimanakah pencapaian akademik yang diperolehi oleh murid-murid dalam program KAFA di Kangar, Perlis?

⁵² *Ibid.*, h. 1132.

⁵³ Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1994), *Tesaurus Melayu Modern Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributors Sdn. Bhd., h. 167.

- 1.3.8 Sejauhmanakah keberkesanan program KAFA terhadap murid-murid selepas mengikuti program KAFA di Kangar, Perlis?
- 1.3.9 Apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam menjayakan program KAFA di Kangar, Perlis?
- 1.3.10 Apakah cadangan-cadangan atau saranan-saranan bagi memajukan program KAFA di Kangar, Perlis?

1.4 TUJUAN KAJIAN AM

Kajian ini dipilih oleh penulis adalah bertujuan untuk melihat perjalanan program atau rancangan KAFA yang beroperasi khususnya di Kangar, Perlis dan reaksi murid-murid yang terlibat dalam program tersebut. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk:-

- 1.4.1 Mengetahui sejauhmanakah objektif penubuhan KAFA telah tercapai.
- 1.4.2 Mengemukakan cadangan-cadangan dan saranan-saranan bagi memajukan program KAFA di Kangar, Perlis.
- 1.4.3 Memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM), bagi memperoleh Ijazah Sarjana Usuluddin, pengkhususan Sejarah dan Tamadun Islam.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Di samping beberapa tujuan am kajian ini, maka penulis juga mensasarkan beberapa objektif yang lain antaranya bagi:-

- 1.5.1 Mengetahui sejarah penubuhan program KAFA di Malaysia amnya dan di Kangar, Perlis, sebagai lokasi kajian.
- 1.5.2 Mengetahui falsafah KAFA dalam menjayakan programnya.

- 1.5.3 Mengetahui kurikulum yang digunakan dalam program KAFA dan objektifnya.
- 1.5.4 Mengenalpasti kaedah yang digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran KAFA.
- 1.5.5 Meninjau aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah program KAFA di Kangar, Perlis.
- 1.5.6 Melihat pentadbiran dan pengurusan program KAFA di Kangar, Perlis.
- 1.5.7 Melihat pencapaian akademik yang diperolehi oleh murid-murid dalam program KAFA di Kangar, Perlis.
- 1.5.8 Melihat sejauhmana keberkesanan program KAFA terhadap murid-murid selepas mengikuti program KAFA di Kangar, Perlis.
- 1.5.9 Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi dalam menjayakan program KAFA di Kangar, Perlis.
- 1.5.10 Mengemukakan cadangan-cadangan atau saranan-saranan bagi memajukan program KAFA di Kangar, Perlis

1.6 JUSTIFIKASI KAJIAN

Pengetahuan mengenai al-Quran dan fardu ain adalah suatu perkara yang tidak dapat dipisahkan daripada agenda pendidikan Islam. Malah pendidikan al-Quran dan pengajaran mengenai perkara-perkara fardu ain adalah suatu isu yang amat dititik beratkan oleh masyarakat Islam seluruhnya terhadap anak-anak mereka, sejak daripada usia kanak-kanak lagi.

Justeru, kemerosotan pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2002 di mana sebahagiannya tidak dapat menjawab soalan

berkaitan fardu ain seperti mandi wajib dan nifas, yang sepatutnya diketahui umat Islam, dianggap suatu fenomena yang mendukacitakan dan perlu ditangani secara bijak dan terancang.⁵⁴

Pendidikan Islam yang juga subjek teras peringkat berkenaan, mencatatkan kelulusan 86.9% berbanding 87.5% sebelumnya, merosot sebanyak 0.6%. Daripada 220,432 calon yang menduduki peperiksaan kertas Pendidikan Islam dalam peperiksaan SPM tahun 2002, 15.5% mendapat peringkat cemerlang (A1 dan A2), 60.3% peringkat kepujian (B3, B4, C5 dan C6) dan 11.2% lulus (D7 dan E8).⁵⁵

Ini bererti seramai 28,877 calon atau 13.1% daripada 220,432 calon yang mengambil Pendidikan Islam tahun tersebut, gagal subjek berkenaan. Dalam SPM 2001, Pendidikan Islam turut menunjukkan kemerosotan sebanyak 4.9% berbanding 92.4% pada tahun 2000. Kemerosotan pencapaian Pendidikan Islam dalam SPM tahun 2002 ini, berpunca daripada keketekan pengetahuan calon dalam subjek berkenaan, termasuk mengenai fardu ain.⁵⁶

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata analisa pemeriksa mendapati keketekan calon dalam pengetahuan Islam menyebabkan calon gagal menghuraikan jawapan kepada soalan yang ditanya dalam peperiksaan berkenaan. Sehubungan dengan itu penumpuan harus diberikan kepada aspek

⁵⁴ "Masih Ramai Tidak Faham Fardu Ain", *Berita Harian*; Jumaat, 21 Mac 2003.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*

penghayatan dalam kehidupan seharian (fardu ain), bukan aspek hafalan subjek semata-mata.⁵⁷

Oleh yang demikian, program KAFA adalah merupakan langkah bijak dan terancang oleh Kerajaan Malaysia, melalui JAKIM dalam menyemai penghayatan al-Quran dan fardu ain yang lebih maksimum kepada murid-murid sejak daripada peringkat rendah lagi.

Kajian sejauhmanakah keberkesanan program tersebut, dalam mengukuhkan pendidikan Islam di Malaysia di kalangan murid-murid di sekolah kebangsaan harus dibuat, bagi mengelak kemerosotan dan kelemahan mereka di peringkat yang lebih tinggi (menengah), menjadi bertambah buruk lagi.

Justeru, penulis beranggapan bahawa kajian bertajuk; “Program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Kangar, Perlis: Kajian Keberkesanan dan Masalahnya” adalah wajar dan bersesuaian kerana kajian ini merupakan kajian yang pertama dalam menjelaskan perjalanan program KAFA secara sepenuhnya di bandar Kangar, Perlis. Ia sekaligus merupakan contoh (*sample*) pelaksanaan program tersebut di lokasi bandar, memandangkan ia juga dijalankan di kawasan luar bandar.

Kajian ini juga amat berguna untuk Unit KAFA di Kangar, Perlis, bagi mempertimbangkan cadangan dan saranan kajian ini dalam memajukan lagi program

⁵⁷ *Ibid.*

KAFA di negeri Perlis amnya dan di bandar Kangar khasnya. Di samping itu kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kuala Lumpur selaku pihak penganjur, bagi meningkatkan lagi kemajuan program ini di masa hadapan.

1.7 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, penulis mengkaji tentang program KAFA di Kangar, Perlis yang meliputi kurikulum, aktiviti-aktiviti dan pengendaliannya di lokasi kajian, bagi menyokong dan memperkukuhkan mata pelajaran Pendidikan Islam yang sedia ada di peringkat rendah. Keberkesanan dan masalah-masalah KAFA pula merupakan tumpuan utama dalam kajian ini. Justeru, penulis tidak berhasrat untuk mengkaji Pendidikan Islam, isi kandungan, keberkesanan dan juga masalah-masalahnya di peringkat rendah, kerana fokus utama kajian ini adalah program KAFA yang bertindak selaku pengukuh dan penyokong mata pelajaran tersebut.

Untuk itu, maka murid-murid dan guru-guru KAFA di lokasi kajian adalah sasaran bagi kajian ini. Oleh yang demikian, hanya mereka yang terbabit sahaja yang diambil kira dalam dalam kajian ini, memandangkan tidak semestinya semua murid dan guru Pendidikan Islam peringkat rendah, merupakan mereka yang terlibat dengan program tersebut.

Bandar Kangar Perlis pula merupakan lokasi pilihan bagi kajian ini, memandangkan kepentingan bandar tersebut sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran bagi negeri Perlis. Oleh itu, penulis tidak berhasrat untuk mengkaji

tentang KAFA di seluruh negeri Perlis, memandangkan tempoh kajian penulis adalah terhad untuk menyempurnakan kajian bagi sebuah negeri yang keluasanya berjumlah 80,301.50 hektar (melebihi 96% daripada keluasan bandar Kangar yang berjumlah 2997.4 hektar).

1.8 ULASAN PENULISAN (REVIEW OF LITERATURE)

Terdapat beberapa kajian berkenaan pengajian al-Quran dan fardu ain, sama ada secara langsung atau sebaliknya. Antara kajian-kajian lalu berkenaan dengan pengajian al-Quran dan fardu ain ini ialah tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang dibuat oleh Ismail bin Awang dari Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan Sunnah pada tahun 1983 bertajuk; "Pengajian dan Pengajaran al-Quran di Kelantan, Selepas Merdeka".

Kajian ini telah menjelaskan tentang perkembangan pengajian dan pengajaran al-Quran di Kelantan khususnya sistem dan metode yang digunakan. Ia juga mengutarakan tentang sikap masyarakat Kelantan terhadap pengajian dan pengajaran al-Quran serta masalah-masalah yang timbul. Pengajaran tafsir dan tokoh-tokoh ahli tafsir di Kelantan juga dibincangkan dalam kajian ini.⁵⁸ Namun demikian kajian ini bukanlah menyentuh program KAFA lantaran program KAFA masih belum dimulakan pada tahun kajian tersebut.

Akan tetapi, kajian secara langsung mengenai KAFA telah dibuat oleh beberapa pelajar dalam latihan ilmiah antaranya kajian bertajuk; "Kelas al-Quran

⁵⁸ Ismail Awang (1983), "Pengajian dan Pengajaran al-Quran di Kelantan Selepas Merdeka" (Tesis, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

dan Fardu Ain (KAFA): Pelaksanaan dan keberkesanan di daerah Raub”, yang dijalankan oleh Mariam binti Kamaruddin daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada tahun 1997. Latihan ilmiah ini membicarakan tentang sejarah pengajian al-Quran zaman Rasulullah s.a.w, sahabat, tabi‘in dan seterusnya. Latihan ilmiah ini juga menyebutkan pelaksanaan dan pentadbiran KAFA di Raub, Pahang dan diakhiri dengan analisa keberkesanan program KAFA di daerah tersebut.⁵⁹

Pada tahun 1998 pula terdapat dua kajian berupa latihan ilmiah yang dibuat mengenai KAFA, salah satunya ialah; “Keberkesanan Sistem Pembelajaran dan Pengurusan Pentadbiran Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA): Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”.

Latihan ilmiah ini telah dibuat oleh Ahmad Zamani bin Yusof bagi memenuhi salah satu syarat Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini memberi tumpuan kepada sistem pembelajaran dan pentadbiran KAFA di Wilayah Persekutuan serta mengkaji masalah-masalah yang dihadapi dalam menjayakan program tersebut.⁶⁰

Pada tahun yang sama kajian berkenaan KAFA telah dibuat oleh Sarifah bt. Musbah bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda

⁵⁹ Mariam bt. Kamarudin (1997), “Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA): Pelaksanaan dan Keberkesanan di daerah Raub” (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

⁶⁰ Zamani b. Ahmad Mohd. Yusof (1998), “Keberkesanan Sistem Pembelajaran dan Pengurusan Pentadbiran Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA): Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Syariah. Kertas projek ini bertajuk; “Kelas KAFA: Peranannya Dalam Pendidikan al-Quran dan Fardu Ain di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah. Satu Kajian di Sekolah Agama Rakyat Nurul Huda, Kampung Parit Mahang, Jeram, Kuala Selangor”. Kajian ini membincangkan mengenai sejarah kelas-kelas agama (al-Quran dan fardu ain) sebelum merdeka dan selepasnya. Namun begitu kajian ini lebih menumpukan kepada perjalanan dan pengurusan KAFA di sekolah agama rakyat Nurul Huda bertempat di Kampung Parit Mahang, Jeram, Kuala Selangor.⁶¹

Pada tahun 1999, terdapat satu lagi kajian mengenai KAFA, tetapi di lokasi yang lain pula bertajuk; “Sejarah Perkembangan Kelas al-Quran dan Fardu Ain di Kuala Kerai”. Kajian berbentuk kertas projek ini telah dijalankan oleh Badrul Hisham bin Ibrahim bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Malaya. Kajian ini lebih menumpukan kepada sejarah penubuhan KAFA, pentadbiran dan perjalanannya di daerah Kuala Kerai. Sebanyak tiga buah sekolah dari daerah tersebut telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini juga memasukkan masalah-masalah yang dihadapi berkaitan dengan pelaksanaan KAFA di daerah tersebut.⁶²

Pada tahun 2000 pula satu latihan ilmiah bertajuk; “Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA): Satu Kajian Khusus di Sekolah Kebangsaan Bachok”, telah dibuat oleh Mohd. Azli bin Abdullah daripada Fakulti Pengajian Islam, Jabatan

⁶¹ Sarifah bt. Musbah (1998), “Kelas KAFA: Peranannya Dalam Pendidikan al-Quran dan Fardu Ain di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah. Satu Kajian di Sekolah Agama Rakyat Nurul Huda, Kampung Parit Mahang, Jeram, Kuala Selangor” (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁶² Badrul Hisham bin Ibrahim (1999), “Sejarah Perkembangan Kelas al-Quran dan Fardu Ain di Kuala Kerai” (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Kajian ini telah membincangkan tentang sejarah perkembangan KAFA dan keberkesanan program KAFA di Sekolah Kebangsaan Bachok, serta menganalisa reaksi ibu bapa murid-murid yang terlibat dengan program KAFA di sekolah tersebut.⁶³

Penulis dalam kajian ini, ingin mengkaji tentang program KAFA di bandar Kangar, Perlis kerana didapati bahawa kajian mengenai program KAFA di Kangar, Perlis belum pernah dibuat. Oleh itu, penulis dalam kajian ini, berhasrat untuk membahaskan perjalanan program KAFA dan pengurusannya di Kangar, Perlis, dengan menumpukan aspek keberkesanan program tersebut dan masalah-masalah berkaitan yang berbangkit sepanjang pengendaliannya.

1.9 METODOLOGI PENYELIDIKAN

1.9.1 Pendahuluan

Metodologi berasal daripada dua patah perkataan Yunani iaitu 'metode' yang bermaksud cara dan 'logos' yang bermakna ilmu. Justeru, gabungan dua perkataan ini menjelaskan metodologi bererti "satu ilmu tentang cara".⁶⁴

Koentjaraningrat menyatakan; "Metode menyangkut masalah kerja, iaitu cara kerja untuk dapat memahami objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan".⁶⁵

⁶³ Mohd. Azli bin Abdullah (2000), "Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA): Satu Kajian Khusus di Sekolah Kebangsaan Bachok" (Latihan Ilmiah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

⁶⁴ Koentjaraningrat (1991), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Gramedia, h. 7

⁶⁵ *Ibid.*

Menurut Imam Barnadib pula, metodologi bermaksud; “Ilmu tentang cara mengadakan penelitian”.⁶⁶

Kesimpulannya metodologi kajian ialah cara dan kaedah yang digunakan oleh penulis bagi mendapatkan maklumat atau subjek dalam kajiannya.

1.9.2 Bentuk Kajian

Terdapat dua bentuk penyelidikan sosial yang boleh digunakan bagi sesuatu kajian ilmiah iaitu:-⁶⁷

1.9.2.1 Penyelidikan Perpustakaan

1.9.2.2 Penyelidikan Lapangan

Dalam kajian ilmiah ini, penulis menggunakan kedua-dua bentuk penyelidikan ini.

1.9.2.1 Penyelidikan Perpustakaan

Penulis menggunakan bentuk Penyelidikan Perpustakaan dalam mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan kajian. Untuk itu, penulis merujuk beberapa sumber yang berkenaan seperti; al-Quran, buku-buku Hadis, tesis-tesis, latihan-latihan ilmiah, kertas-kertas projek, buku-buku kaedah penyelidikan dan sebagainya.

⁶⁶ Prof. Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

⁶⁷ W.Lawrence Neuman (2003), *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. c. 5, Boston: Allyn and Bacon, Permissions Department, h. 15.

Bentuk kajian ini digunakan oleh penulis dalam Ulasan Penulisan (*Review of Literature*) dalam bab I dan huraian mengenai program KAFA di Kangar, Perlis yang meliputi falsafah, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta aktiviti-aktivitinya dalam bab II.

1.9.2.2 Penyelidikan Lapangan

Kajian ini lebih berbentuk Penyelidikan Lapangan. Juteru itu, ketika membuat kajian, penulis mengunjungi Unit KAFA, JAIPs, bagi mendapatkan maklumat berkaitan program KAFA di bandar Kangar.

Penulis juga mengunjungi beberapa buah Sekolah Kebangsaan, masjid, surau dan dewan orang ramai di Kangar, Perlis sebagai sampel bagi mendapatkan maklumat dan mengadakan soal selidik.

Dalam hal ini, penulis menggunakan beberapa metode penyelidikan iaitu:-

- 1.9.2.2.1 Metode penentuan subjek
- 1.9.2.2.2 Metode pengumpulan data
- 1.9.2.2.3 Metode analisis data/penulisan

1.9.2.2.1 Metode Penentuan Subjek

Terdapat beberapa jenis pensampelan yang boleh digunapakai dalam penyelidikan sosial antaranya; *Convenience Sampling*, *Quota Sampling*, *Snowball Sampling*,

Judgemental Sampling, Simple Random Sampling (pensampelan rawak), *Theoretical Sampling*, dan lain-lain lagi.⁶⁸

Dalam kajian ini, penulis menggunakan metode pensampelan secara rawak (*Random Sampling*) di mana metode ini adalah bagi mewakili keseluruhan “populasi” yang ramai dalam kajian di mana mereka mempunyai persamaan dari segi ciri-ciri yang tertentu.⁶⁹ Pensampelan begini menggunakan kaedah mudah memilih sampel daripada populasi daripada senarai yang banyak dan setiap orang berpeluang untuk dipilih.⁷⁰

Di samping itu juga, penulis menggunakan pensampelan secara kuota (*Quota Sampling*) dalam kajian ini dengan memilih bilangan tertentu (yang sama) bagi responden yang berbagai untuk mendapatkan respon mereka.⁷¹ Sampel ini dipilih berdasarkan pengetahuan tentang latar belakang mereka (seperti jantina, etnik, darjah dan lain-lain) yang mewakili, tipikal dan sesuai untuk tujuan penyelidikan.⁷²

Kajian penulis meliputi dua lokasi utama iaitu di sekolah-sekolah dan lokasi-lokasi KAFA luar sekolah, di Kangar, Perlis, dan penulis tidak mungkin dapat mengkaji kesemua subjek kajian. Oleh itu, bagi sekolah-sekolah, subjek yang menjadi penelitian penulis ialah 100 orang murid-murid KAFA di lima buah sekolah

⁶⁸ W. Lawrence Neuman (2003), *op. cit.*, h. 214.

⁶⁹ Nicholas Walliman (2001), *Your Research Project*. c.1, London: Sage Publications, h. 233.

⁷⁰ Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM), h. 38.

⁷¹ *Ibid.*, h. 234.

⁷² Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), *op. cit.*, h. 39.

kebangsaan iaitu; Sekolah Kebangsaan Seri Indra (SKSI), Sekolah Kebangsaan Seri Perlis (SKSP), Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Ahmad (SKDWA), Sekolah Kebangsaan Stella Maris (SKSM) dan Sekolah Kebangsaan Putra (SKP) di Kangar, Perlis.

Bagi lokasi-lokasi KAFAs luar sekolah pula, subjek yang menjadi penelitian penulis ialah 100 orang murid-murid KAFAs di dua buah masjid dan dua buah surau serta sebuah dewan orang ramai, di Kangar, Perlis, iaitu; Masjid Saidina Umar, Masjid Mustaqim, Surau Taman Jali, Surau Taman Dato' Jaafar dan Dewan Kampung Kechor.

Untuk itu, penulis memilih 20 orang murid KAFAs di setiap lima buah sekolah tersebut, bagi menilai keberkesanan program KAFAs yang telah diikuti dalam bab IV. Penulis juga memilih murid-murid KAFAs seramai 40 orang di dua buah masjid, 40 orang di dua buah surau dan 20 orang di dewan orang ramai. Murid-murid di beberapa lokasi KAFAs di Kangar ini, adalah mewakili seluruh pelajar beragama Islam di Perlis, dan Malaysia amnya.

Di samping itu, untuk mengkaji masalah-masalah berkaitan KAFAs dalam bab IV dan cadangan-cadangan untuk kemajuan program tersebut dalam bab V nanti, penulis memilih 30 orang guru KAFAs di enam buah sekolah kebangsaan di Kangar (lima buah daripadanya, adalah seperti yang dinyatakan bagi sampel murid-murid KAFAs dan sebuah lagi ialah Sekolah Kebangsaan Kampung Salang (SKKS).

Bagi lokasi-lokasi KAFA luar sekolah pula, penulis memilih 30 orang guru KAFA di 8 buah masjid, 9 buah surau dan 10 buah dewan, sebagai mewakili guru-guru KAFA di bandar tersebut. Senarai nama-nama masjid, surau dan dewan yang dipilih oleh penulis, bagi mengedat borang-borang soal selidik untuk guru-guru KAFAny, adalah seperti di Lampiran 2.

1.9.2.2.2 Metode Pengumpulan Data

Penulis dalam kajian ini berusaha mengumpul data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam hal ini, penulis menggunakan beberapa metode dalam penyusunan kajian ilmiah ini, di antaranya ialah:-

1.9.2.2.2.1 Metode Dokumentasi

1.9.2.2.2.2 Metode Temubual

1.9.2.2.2.3 Metode Soal Selidik

1.9.2.2.2.4 Metode Observasi

1.9.2.2.2.1 Metode Dokumentasi

Metode ini adalah cara pengumpulan data dengan mengkaji dokumen yang berhubung dengan masalah yang dikaji. Ia merupakan teknik yang mana seseorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Teknik yang digunakan ini, adalah bagi tujuan awal untuk membuat penyelidikan terhadap sesuatu perkara atau isu yang hendak dikaji.⁷³

⁷³ Mohd. Shafie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 41.

Sumber-sumber data melalui metode ini merangkumi dokumen-dokumen, kertas-kertas kerja, laporan-laporan mesyurat, artikel, jurnal, majalah dan lain-lain, bagi menghuraikan tentang program KAFA di lokasi kajian, dalam bab II.

1.9.2.2.2 Metode Temubual

Metode ini adalah cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan secara lisan daripada responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka dengan orang itu.⁷⁴ Ia dijalankan secara formal dengan individu berkenaan yang diharapkan ia dapat memberi jawapan-jawapan yang tertentu dengan soalan-soalan yang dikemukakan.⁷⁵

Terdapat tiga bentuk temubual bagi penulisan ilmiah iaitu:-⁷⁶

1.9.2.2.2.1 Temubual Berstruktur

1.9.2.2.2.2 Temubual Separa-berstruktur

1.9.2.2.2.3 Temubual Terbuka (Tidak Berstruktur)

Penulis menggunakan metode Temubual Berstruktur (berdasarkan skrip tertentu, mirip soalselidik, tapi tidak fleksibel) dan Separa-berstruktur (berdasarkan skrip tertentu, tapi isu-isu perbincangan boleh dibahaskan secara mendalam)⁷⁷ dalam menemui para responden yang berkaitan dengan kajian ini.

⁷⁴ Koentjaraningrat (1991), *op. cit.*, h. 7.

⁷⁵ Samaruddin Rejab dan Nazri Abdullah (1985), *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: DBP, h. 30.

⁷⁶ Nicholas Walliman (2001), *op. cit.*, h. 238.

⁷⁷ Temubual, Soalselidik dan Pandangan Pakar, <http://www.ftsm.ukm.my/jabatan/tk/nfmy>, 3 Ogos 2003.

Untuk itu, penulis mengadakan temubual dengan berapa orang (pegawai-pegawai) yang terbabit secara langsung dengan program KAFA di JAKIM dan Kangar, Perlis termasuk sebilangan guru-guru Pembimbing bagi mengulas sejarah penubuhan, pentadbiran dan pengurusan KAFA di lokasi kajian. Penulis juga menemubual sebilangan guru-guru pembimbing dan guru-guru KAFA di bandar tersebut, bagi mendapatkan respon mereka terhadap kaedah P&P KAFA dalam bab II dan masalah-masalahnya dalam bab IV nanti.

1.9.2.2.3 Metode Soal Selidik (*Questionnaire*)

Soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis. Soalan-soalan itu disediakan oleh penulis sendiri yang difikirkannya merangkumi subjeknya.⁷⁸ Penulis menyediakan borang soal selidik yang diedarkan kepada guru dan pelajar KAFA yang berkenaan. Teknik ini digunakan bagi pengumpulan data dan ia dapat membantu penulis mendapatkan idea dan pandangan.

Sehubungan dengan itu penulis mengedarkan 100 borang untuk murid-murid KAFA di lima buah sekolah kebangsaan dan 100 borang untuk murid-murid KAFA di dua buah masjid dan surau serta sebuah dewan orang ramai, di Kangar, Perlis. (Nama-nama tempat tersebut, telah dinyatakan secara terperinci pada tajuk; 1.9.2.2.1 Metode Penentuan Subjek yang lepas).

Penulis juga mengedarkan 30 borang untuk guru-guru KAFA di enam buah sekolah kebangsaan di Kangar, dan 30 borang lagi untuk guru-guru KAFA di

⁷⁸*Ibid.*, h. 31.

beberapa buah masjid, surau dan dewan orang ramai, sebagai mewakili guru-guru KAFA di bandar tersebut. (Nama-nama tempat tersebut, telah dinyatakan secara terperinci pada tajuk; 1.9.2.2.1 Metode Penentuan Subjek yang lalu).

1.9.2.2.4 Metode Observasi

Observasi berasal daripada kata dasar (dalam bahasa Inggeris) *observe* yang bermaksud; memerhatikan segala yang berlaku dengan teliti, tetapi tidak banyak berkata.⁷⁹ Metode observasi dalam kajian pula diertikan sebagai; “Kaedah merakamkan keadaan-keadaan, peristiwa-peristiwa dan aktiviti-aktiviti, tanpa melibatkan penyelidikan atau penyiasatan (formal) oleh pihak pengkaji”.⁸⁰

Prof. Madya Dr. Abdul Halim Mat Diah turut menjelaskan metode tersebut sebagai; “Pengalaman yang dialami penulis secara langsung dalam masalah-masalah yang mempunyai hubungan dengan objek penyelidikan”.⁸¹

Dalam kajian ini, penulis menggunakan metode tersebut dengan melihat sendiri dan mengambil beberapa gambar (foto) perjalanan program KAFA di beberapa lokasi, di Kangar, Perlis bagi meninjau keberkesanan program KAFA dan masalah-masalah berkaitan dengannya, dalam bab IV nanti.

⁷⁹ Dewan English Malay Dictionary (1992), c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁸⁰ Nicholas Walliman (2001), *Your Research Project*. c.1, London: Sage Publications.

⁸¹ Prof. Madya Dr. Abd. Halim Mat Diah (1987), *Satu Contoh Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

1.9.2.2.2 Metode Analisis Data/Penulisan

Apabila data yang diperlukan sudah terkumpul melalui metode-metode yang telah disebutkan di atas, maka penulis membuat pengolahan dan penganalisaan dalam menghuraikan keberkesanan dan masalah-masalah program KAFA khususnya, di lokasi kajian. Dalam menganalisa data ini, penulis menggunakan metode-metode berikut:-

1.9.2.2.2.1 Metode Deduktif

1.9.2.2.2.2 Metode Induktif

1.9.2.2.2.3 Metode Komparatif

1.9.2.2.2.1 Metode Deduktif

Berfikir secara deduktif merupakan sumbangan pertama ke arah pendekatan bersistem untuk membuat keputusan.⁸² Metode ini dapat dijelaskan sebagai; "Cara menganalisis dan melakukan penulisan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus".⁸³

1.9.2.2.2.2 Metode Induktif

Metode induktif adalah; "Suatu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum."⁸⁴ Ia berlaku dengan mengamati kejadian-kejadian (atau hal-hal) tertentu, kemudian berdasarkan kejadian tersebut, kesimpulan tentang

⁸² Sulaiman Ngah Razali (1996), *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: DBP, h. 144.

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, h. 52.

keseluruhannya, dibuat. Berfikir secara induktif merupakan sonsangan proses berfikir secara deduktif.⁸⁵

1.9.2.2.3 Metode Komparatif

Metode komparatif ditakrifkan sebagai; “Cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data yang diperolehi.” Segala data, fakta dan pendapat yang berautoriti dikumpulkan serta dibuat perbandingan dan kesimpulan. Semua fakta ditimbangkan secara saksama. Daripada perbandingan tersebut, dibuat pula satu kesimpulan.⁸⁶

2.0 SISTEMATIKA PENULISAN

Bab I merupakan bab pendahuluan. Dalam bab ini dinyatakan tentang latar belakang lokasi kajian dengan menerangkan Kangar sebagai lokasi kajian dan pengertian KAFA serta objektifnya. Selain itu beberapa aspek penting kajian seperti pengertian tajuk, perumusan masalah, tujuan am, objektif dan justifikasi kajian turut dinyatakan. Pendahuluan ini juga turut memuatkan metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab II merupakan fokus utama kajian berkaitan program dikaji penulis. Dalam bab ini, penulis menghuraikan tentang sejarah penubuhan KAFA di Kangar sebagai lokasi kajian. Bab ini juga turut membincangkan tentang falsafah dan kurikulum program KAFA serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang

⁸⁵ Sulaiman Ngah Razali (1996), *op. cit.*, h. 145.

⁸⁶ *Ibid.*

digunakan dalamnya, termasuk aktiviti-aktiviti KAFA yang dijalankan di Kangar, Perlis.

Bab III menumpukan kajian terhadap pentadbiran dan pengurusan KAFA di Kangar, Perlis.

Bab IV adalah bab yang terpenting kerana ia merupakan laporan penyelidikan dan analisis data, berkaitan dengan keberkesanan program KAFA dan masalah-masalahnya. Penulis melaporkan data-data yang diperolehi melalui metode-metode yang telah dinyatakan dalam bab I (pendahuluan). Data-data tersebut dianalisis bagi mendapatkan beberapa kesimpulan kajian.

Bab V merupakan bab penutup. Dalam bab ini, penulis membuat beberapa kesimpulan penting dan menyebut penemuan-penemuan baru dalam kajian yang dilakukan. Penulis juga turut mengusulkan beberapa cadangan yang dirasakan perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak berkenaan bagi mempertingkatkan lagi mutu program KAFA di Kangar, Perlis.